

PANDUAN CUTI SAKIT (BAGI STAF TETAP SAHAJA)

1. Tafsiran

1.1. *Cuti sakit* bermakna cuti bergaji penuh yang diberi kerana sebab-sebab perubatan dan dengan mengemukakan Sijil Sakit dari seorang pegawai perubatan kerajaan atau lain-lain doktor yang diterima dan diberi bagi sakit atau kecederaan yang ada harapan untuk sembuh.

1.2. *Sijil sakit* bermakna sijil akuan sakit yang dikeluarkan oleh seorang pegawai perubatan kerajaan atau sebuah Lembaga Perubatan atau oleh seorang ahli panel doktor yang diluluskan oleh kerajaan.

1.3. *Pegawai Perubatan* bermakna seorang doktor perubatan atau doktor pergigian berdaftar yang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia dan bagi maksud Perintah Am 6 dan 32 Bab C termasuk seseorang doktor perubatan atau doktor pergigian yang berkhidmat dengan sebarang Hospital Universiti atau Angkatan Tentera Malaysia.

1.4. *Sijil Sakit Doktor Swasta*

Ketua Jabatan boleh menerima, mengikut budibicaranya sendiri, sebarang sijil sakit yang dikeluarkan oleh seseorang doktor swasta bagi tujuan meluluskan cuti sakit.

1.5. *Panel Doktor* bermakna seseorang doktor prevet yang diluluskan oleh Kerajaan untuk menjadi ahli Panel Doktor bagi tujuan mengeluarkan sijil sakit (seperti yang ditafsirkan yang tidak perlu ditandatangani timbal oleh seseorang pegawai perubatan sebelum boleh diterima oleh Ketua Jabatan).

2. Syarat cuti sakit

Menurut Perintah Am 17 (c) Bab C adalah menjadi syarat bahawa semua cuti sakit hendaklah dihabiskan di hospital atau di rumah pegawai melainkan jikalau ditetapkan oleh seseorang pegawai perubatan sebaliknya.

3. Pegawai perlu mendapat sijil sakit

3.1. Berdasarkan Perintah Am 6 (a) Bab F 1974 Seseorang pegawai yang jatuh sakit dan tidak dapat hadir di pejabatnya, hendaklah mendapatkan Sijil Sakit dari pegawai perubatan atau Panel Doktor dan menghantarkan sijil tersebut kepada Ketua Jabatannya dengan seberapa segera yang boleh.

4. Menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2006
 - a) Sijil sakit doktor swasta jika sebagai **pesakit luar**- tidak lebih 15 hari
 - b) Sijil sakit doktor swasta jika sebagai **pesakit dalam** - tidak lebih 180 hari
 - c) Sijil sakit swasta/kerajaan tidak lebih 180 hari, 90 hari pertama – Ketua Jabatan, 90 hari kedua – Kuasa Tertentu

5. Cuti sakit lanjutan
 - 5.1. Kelayakan:
 - a) Telah menghabiskan kesemua cuti sakit selama 180 hari yang diluluskan oleh Ketua Jabatan dan Kuasa Tertentu.
 - b) Telah menghabiskan kesemua cuti rehat yang terkumpul dan yang layak, dan
 - c) Diperakukan oleh Lembaga Perubatan sebagai tidak sihat untuk bertugas tetapi ada harapan untuk sihat semula dan memerlukan masa berehat.

 - 5.2. Tempoh: Tidak melebihi 90 hari (Perintah Am 22 (a) Bab C 1974).

 - 5.3. Semasa dalam bercuti sakit lanjutan ia layak dibayar separuh gaji. Sijil sakit boleh diterima untuk membayar separuh gaji sementara menunggu keputusan Lembaga Perubatan. Tanpa sijil sakit, tidak boleh dibayar gaji.

6. Jatuh sakit semasa bercuti rehat **dalam** Malaysia:
 - a) Layak diberi cuti sakit
 - b) Boleh sambung cuti rehat
 - c) Boleh dipanggil bertugas jika diarahkan oleh Ketua Jabatan

7. Jatuh sakit semasa cuti rehat **di luar** Malaysia:
 - a) Tidak layak diberi cuti sakit;
 - b) Boleh diberi cuti sakit jika:
 - i) Jatuh sakit tarikh ia patut balik;
 - ii) Sakitnya berlanjutan hingga ke tarikh ia patut balik;
 - iii) Dimasukkan hospital;
 - iv) Disokong sijil pegawai perubatan kerajaan;
 - v) Ada dinyatakan jenis sakit;
 - vi) Ada tarikh masuk dan dijangka keluar;
 - vii) Ambil peluang balik segera.

8. Jatuh sakit semasa bertugas rasmi di luar pejabat
Pegawai boleh tuntutan elaun-elaun di Perintah Am 3 atau 4, Bab B tidak melebihi 7 hari jika tidak masuk hospital.

9. Cuti Bersalin

- a) Diberi untuk bersedia dan pulih dari bersalin selama 60 hari.
- b) 5 kali sahaja sepanjang perkhidmatan.
- c) Cuti tanpa gaji untuk menjaga anak sehingga **1825** hari (5 tahun). (PP 15/2007)
- d) Suami layak cuti tanpa rekod 7 hari (PP 9/2002).

9.1. Selepas cuti bersalin lima kali

- a) Cuti rehat + cuti tanpa gaji tidak melebihi 60 hari.
- b) Tidak layak cuti sakit dalam tempoh 60 hari dari tarikh bersalin.

10. Cuti Kecederaan

- a) Tercedera semasa menjalankan tugas rasmi.
- b) Diberi cuti sakit 90 + 90 hari terlebih dahulu.
- c) Diperaku oleh Kuasa Tertentu jika mempunyai harapan untuk sembuh.
- d) Kuasa melulus: Kuasa Tertentu (PPSM)
- e) Tempoh: sehingga pulih semula atau dibersarakan atas sebab kesihatan.

11. Cuti Kerantina

- a) Ditahan oleh pihak berkuasa kesihatan.
- b) Perjalanan melalui pelabuhan / lapangan terbang.
- c) Ada berlaku wabak penyakit merebak.
- d) Diberi cuti bergaji penuh.
- e) Sekiranya disyaki atau didapati sakit, diberi cuti sakit.

12. Cuti Tibi, Kusta dan Barah Berdasarkan Perintah Am 31, Bab C 1974 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991

- a) Disahkan mengidap penyakit Tibi/ Kusta/ Barah dan disyaratkan menerima rawatan di hospital terus menerus.
- b) Tempoh: Ketua Jabatan boleh meluluskan cuti sakit selama 24 bulan melainkan Tibi selama 12 bulan.
- c) Cuti separuh gaji 12 bulan selepas tamat dengan perakuan Lembaga Perubatan. Kuasa melulus: Kuasa Tertentu.